

# Empangan Bukit Kwong **kering**

Tunggul kayu dapat dilihat jelas disebabkan paras air turun kesan cuaca panas berpanjangan

**RANTAU PANJANG** - Cuaca panas ketika ini bukan sahaja menjejaskan paras air di Sungai Golok, malah terkecuali di Empangan Bukit Kwong.


Ahli Parlimen Rantau Panjang, Siti Zailah Mohd Yusoff berkata, sekiranya cuaca panas berpanjangan, kawasan takungan ini boleh menjadi semakin kering.

"Februari lalu, empangan ini dipenuhi air dan sangat sukar untuk melihat tunggul kayu mati tetapi sekarang, sangat sukar nak tengok air memenuhi empangan kerana dipenuhi tunggul kayu.

"Jika keadaan ini berterusan, ia akan menyebabkan empangan dipenuhi lumpur seterusnya boleh menyebabkan ikan mati," katanya

Beliau berkata, cuaca panas setiap tahun adalah perkara biasa, namun kesan El-Nino menyebabkan suhu di sini, menjadi luar biasa panas dan paling teruk dialami.

Sebelum ini katanya, suhu di



Zailah ketika meninjau keadaan paras air di Empangan Bukit Kwong.

Rantau Panjang pernah mencecah 38 darjah selsius seterusnya menyebabkan berlakunya gangguan bekalan air.

Menurutnya, keadaan ini turut memberi kesan kepada penduduk setempat yang bergantung kepada kemudahan air di sini.

"Rata-rata penduduk di sini menggunakan kemudahan perigi, namun terjejas akibat penurunan paras air di kawasan empangan.

"Saya mohon penduduk menunaikan solat istisqa di surau dan masjid mukim masing-masing agar keadaan

panas ketika ini beransur pulih.

"Tbu bapa juga perlu menjaga keselamatan anak-anak dan tidak membiarkan mereka bermain di kawasan luar dalam tempoh yang lama bagi mengelakkan risiko strok haba," katanya.